

23/10/2002

BN beri masa seminggu (HL)

Misiah Taib; Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Selasa - Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) sepakat untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, tetapi memberi tempoh seminggu kepada lima parti Cina untuk merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Mesyuarat dewan itu yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini petang ini bersetuju parti mewakili kaum Cina berbincang sesama mereka bagi mendapatkan pendekatan terbaik melaksanakan cadangan itu di SJKC.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, perkara itu adalah satu daripada tiga keputusan dicapai sebulat suara berhubung pelaksanaan pengajaran dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris pada mesyuarat hari ini.

"Kita bersetuju mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris daripada sekolah rendah, melainkan untuk sekolah Cina, yang mana parti-parti komponen mewakili kaum Cina akan mengadakan perjumpaan bagi menentukan bagaimana mereka dapat bersama kaum dan parti lain untuk melaksanakan dasar ini.

"Pelaksanaan dasar ini di sekolah Cina mungkin berlainan sedikit tetapi masih dengan semangat yang sama. Tempoh seminggu diberikan untuk mereka mengadakan perbincangan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat hampir tiga jam di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Lima parti komponen BN yang mewakili kaum Cina ialah MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

Jawatankuasa Pusat MCA dalam mesyuaratnya Jumaat lalu membuat keputusan menentang cadangan kerajaan melaksanakan dasar berkenaan di SJKC.

Keputusan itu selari dengan pendapat pertubuhan pendidikan Cina sebelum ini bahawa ia hanya sesuai dilaksanakan di peringkat menengah.

Dr Mahathir berkata, selepas tempoh seminggu, lima parti berkenaan akan melaporkan kepada beliau mengenai sebarang perubahan atau cadangan balas yang difikirkan sesuai untuk kepentingan masyarakat Cina.

Beliau berkata, parti komponen juga bersetuju supaya mata pelajaran Bahasa Inggeris yang dipertingkatkan, diajar dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah supaya pelajar menguasai bahasa itu dengan lebih baik.

"Semua sekolah, sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, semuanya bersetuju akan mengajar Bahasa Inggeris daripada sekolah rendah," katanya.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata keputusan memberikan tempoh seminggu kepada parti-parti Cina bukan bermakna mereka akan dikecualikan daripada pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan.

"Kita cuma nak cari jalan, bagaimana dia nak disesuaikan. Memang ada cadangan yang diutarakan oleh ahli-ahli tetapi sesama mereka sendiri belum lagi mendapat satu pendekatan yang dipersetujui oleh semua.

"Kita nak cuba sedaya upaya mulakan tahun depan dan kita nak mulakan bersama (semua sekolah Cina), dengan menggunakan cara yang akan ditentukan oleh sekolah-sekolah Cina. Tapi bagi sekolah-sekolah lain, tak ada masalah, semuanya bersetuju," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua 14 parti komponen BN bersetuju dengan pendekatan yang diputuskan itu dan mereka juga sepakat supaya parti mewakili kaum Cina diberikan masa untuk menangani masalah ini.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas alasan bantahan parti Cina khususnya MCA. "Itu adalah perbincangan kita. Tak payahlah saya berikan alasan. Dalam mesyuarat ada macam-macam pendapat, tak payahlah saya terangkan itu. Ia perkara sulit," katanya.